

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld. 3 (18)

Tarikh : 27 Ogos 2021

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING MQA BIL. 4/2021

PENAMBAHBAIKAN SYARAT KELAYAKAN MASUK KE PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA DALAM STANDARD PROGRAM: UNDANG-UNDANG DAN PERUNDANGAN SYARIAH

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling MQA Bil. 1/2015 – Penggunaan Standard Program: Undang-Undang dan Perundangan Syariah bertarikh 23 Mac 2015.

2. Pihak Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerima cadangan daripada pihak berkepentingan untuk menambah baik syarat kelayakan masuk ke program Perundungan Syariah bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda Tahap 6 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) dalam Standard Program: Undang-Undang dan Perundangan Syariah.
3. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada panel pakar bidang dan pihak berkepentingan, MQA telah bersetuju untuk menambah baik syarat kelayakan masuk tersebut seperti diperincikan dalam **Lampiran 1**.
4. Penambahbaikan ini bertujuan untuk memastikan calon pelajar mempunyai kompetensi asas yang mencukupi untuk mengikuti program serta bagi memastikan graduan yang dihasilkan adalah berkualiti dan menepati keperluan bidang Undang-undang dan Perundangan Syariah.

5. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap penambahbaikan syarat kelayakan masuk ini **berkuat kuasa mulai 1 September 2021**.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR

7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Aras 2, Bangunan Canseleri
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 TANJONG MALIM, PERAK
8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA UA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 9, Canseleri
Universiti Malaya
50603 W.P. KUALA LUMPUR
9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR
10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Penyelidikan)
Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
Putrajaya Campus
Jalan IKRAM-UNITEN
43000 KAJANG, SELANGOR
11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN

12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR
14. Presiden
Persatuan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta Sabah (PIPTSS)
1st-3rd Floor
85, Jalan Gaya
88000 KOTA KINABALU, SABAH
15. Presiden
Persatuan Institusi-Institusi Pendidikan Tinggi Sarawak (PERINTIS)
Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak/ International College of
Advance Technology Sarawak
Jalan Canna, Off Jalan Wan Alwi, Tabuan Jaya
93350 KUCHING, SARAWAK

LAMPIRAN 1

STANDARD PROGRAM: UNDANG-UNDANG DAN PERUNDANGAN SYARIAH

PENAMBAHBAIKAN SYARAT KELAYAKAN MASUK

| BIL. | SYARAT KELAYAKAN MASUK SEDIA ADA DALAM STANDARD PROGRAM | PENAMBAHBAIKAN YANG DILULUSKAN |
|------|---|--|
| 1. | IJAZAH SARJANA MUDA PERUNDANGAN SYARIAH <ul style="list-style-type: none"> i. Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.0) dalam SATU (1) daripada mata pelajaran Pengajian Islam dan dalam SATU (1) mata pelajaran lain DAN kredit dalam SATU (1) daripada mata pelajaran Bahasa Arab pada peringkat SPM; atau kelulusan yang setara dengannya; ATAU ii. Lulus STAM dengan gred minimum Jayyid (baik); ATAU iii. Mana-mana kelayakan yang setara dengan Tahap 4, KKM DAN kredit dalam SATU (1) daripada mata pelajaran Bahasa Arab DAN SATU (1) daripada mata pelajaran Pengajian Islam pada peringkat SPM; atau kelulusan yang setara dengannya; ATAU iv. Mana-mana kelayakan dalam Perundangan Syariah yang setara dengan Tahap 4, KKM dengan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.5 daripada 4.0; | IJAZAH SARJANA MUDA PERUNDANGAN SYARIAH <ul style="list-style-type: none"> i. Lulus STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.0) dalam mata pelajaran Pengajian Islam dan SATU (1) mata pelajaran lain DAN kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab pada peringkat SPM atau kelulusan yang setara dengannya; ATAU ii. Lulus STAM dengan gred minimum Jayyid (baik); ATAU iii. Mana-mana kelayakan yang setara dengan Tahap 4, KKM DAN kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab DAN mata pelajaran Pengajian Islam pada peringkat SPM atau kelulusan yang setara dengannya; ATAU iv. Mana-mana kelayakan dalam Syariah/ Perundangan Syariah yang setara dengan Tahap 4, KKM dengan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.5 daripada 4.0; |

| BIL. | SYARAT KELAYAKAN MASUK SEDIA ADA DALAM STANDARD PROGRAM | PENAMBAHBAIKAN YANG DILULUSKAN |
|------|---|--|
| | <p>ATAU</p> <p>v. Kelayakan Matrikulasi/Asasi dengan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.0 daripada 4.0 DAN kredit dalam SATU (1) daripada mata pelajaran Bahasa Arab DAN SATU (1) daripada mata pelajaran Pengajian Islam pada peringkat SPM; atau kelulusan yang setara dengannya.</p> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Syarat kredit dalam mata pelajaran Bahasa Arab peringkat SPM bagi calon (i) boleh dikecualikan jika kelayakan tersebut mengandungi mata pelajaran Bahasa Arab dan pencapaiannya setara/lebih daripada keperluan kredit mata pelajaran tersebut pada peringkat SPM. 2) Syarat kredit dalam SATU (1) daripada mata pelajaran Bahasa Arab DAN SATU (1) daripada mata pelajaran Pengajian Islam pada peringkat SPM bagi calon (iii) dan (v) boleh dikecualikan jika kelayakan tersebut mengandungi mata pelajaran Bahasa Arab dan Pengajian Islam dan pencapaiannya setara/lebih daripada keperluan kredit mata pelajaran tersebut pada peringkat SPM. <p>Kaedah penilaian khas (seperti temu duga atau ujian aptitud atau kedua-duanya) boleh digunakan untuk</p> | <p>ATAU</p> <p>v. Kelayakan Matrikulasi/ Asasi dengan mendapat PNGK sekurang-kurangnya 2.0 daripada 4.0 DAN kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab DAN mata pelajaran Pengajian Islam pada peringkat SPM atau kelulusan yang setara dengannya.</p> <p>Nota:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Syarat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Arab dan Pengajian Islam di peringkat SPM atau setara boleh dikecualikan jika kurikulum dan pencapaian calon di peringkat STPM/ STAM/ Matrikulasi/ Kursus Asas/ Diploma atau setara bagi mata pelajaran Bahasa Arab/ Pengajian Islam dalam program tersebut adalah setara/ lebih tinggi. 2) Bagi calon yang hanya lulus Bahasa Arab di peringkat SPM atau setara perlu mengikuti mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab di awal pengajian. 3) Pelajar wajib lulus mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab tersebut sebagai prasyarat sebelum dibenarkan mengikuti kursus teras berkaitan. Justeru, ketetapan ini tidak menghalang pelajar untuk mengikuti kursus lain sama ada teras atau bukan teras yang tidak mensyaratkan |

| BIL. | SYARAT KELAYAKAN MASUK SEDIA ADA DALAM STANDARD PROGRAM | PENAMBAHBAIKAN YANG DILULUSKAN |
|------|---|--|
| | memilih calon-calon ke program ijazah sarjana muda. | <p>mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab tersebut.</p> <p>4) Kredit bagi mata pelajaran pengukuhan Bahasa Arab adalah merupakan kredit tambahan kepada program dan boleh diambil kira bagi tujuan kredit bergraduat.</p> <p>Kaedah penilaian khas (seperti temu duga atau ujian aptitud atau kedua-duanya) boleh digunakan untuk memilih calon-calon ke program ijazah sarjana muda.</p> |